

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JKE417/JKE517 – Ekonomi Perindustrian

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak (termasuk muka surat ini) sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

...2/-

SULIT

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja. (100 markah)

1. Salah satu kerangka (*framework*) teori utama Ekonomi Perindustrian adalah dikenali sebagai kerangka Struktur-Gelagat-Prestasi (SCP). Ringkasnya, teori ini menunjukkan bahawa struktur industri menentukan gelagat firma, dan seterusnya struktur dan gelagat firma ini akan menentukan prestasi firma dalam sesuatu industri.

Huraikan hubungan antara struktur pasaran dan ciri-ciri perlakuan atau gelagat firma serta prestasi firma dalam pasaran berikut:

- (a). pasaran persaingan sempurna
- (b). pasaran monopoli
- (c). pasaran oligopoli

(20 markah)

2. Alfred Weber merumuskan teori lokasi perindustrian di mana sebuah industri adalah terletak di mana kos pengangkutan bahan mentah dan produk akhir adalah minimum. Beliau mengetengahkan dua kes khas. Dalam satu kes, berat produk akhir adalah kurang daripada berat bahan mentah untuk membuat produk. Ini adalah kes kehilangan berat. Dalam kes lain, produk akhir adalah lebih berat daripada bahan mentah yang memerlukan pengangkutan. Biasanya ini adalah kes bahan mentah yang ada di mana-mana (seperti air yang digunakan dalam penghasilan produk). Ini dikenali sebagai kes kenaikan berat.

Huraikan teori ini beserta andaian dan rajah yang bersesuaian.

(20 markah)

3. Bincangkan strategi pembangunan perindustrian yang sering digunakan oleh negara sedang membangun (NSM) seperti Malaysia dalam konteks perbandingan strategi seperti berikut:

- (a). perindustrian atau pertanian
- (b). industri kecil (industri desa atau IKS) atau industri berskala besar
- (c). berintensifkan buruh atau berintensifkan modal
- (d). penggantian import atau penggalakkan eksport

(20 markah)

...3/-

- 3 -

4. Apabila dua firma melalui proses penggabungan atau pengambilalihan (*merger and acquisition*), sifat dan jenis integrasi adalah ditentukan berdasarkan aktiviti setiap perniagaan dan di mana mereka beroperasi dalam rantai bekalan industri. Terangkan bentuk-bentuk kombinasi perindustrian ini beserta contoh.
(20 markah)
5. Bincangkan dengan menyeluruh pendekatan Struktur–Gelagat–Prestasi (SCP) menggunakan **SATU (1)** industri pembuatan (contoh: industri automotif).
(20 markah)
6. Ekonomi Malaysia telah merentasi zamannya dan telah mengalami transformasi ekonomi yang hebat. Salah satu langkah dasar penting yang diambil oleh kerajaan untuk terus membangunkan sektor perindustrian di Malaysia ialah dasar ekonomi berasaskan pengetahuan (*K-based economy*) untuk meningkatkan lagi nilai tambah (*value added*) serta daya pengeluaran faktor keseluruhan (*total factor productivity, TFP*).
 - (a). Huraikan sumbangan teknologi terhadap daya pengeluaran faktor keseluruhan (*TFP*) berbanding sumbangan buruh (*L*) dan modal (*K*).
(10 markah)
 - (b). Bincangkan isu serta peranan pelaburan langsung asing (*FDI*) dan syarikat multinasional (*MNCs*) dalam pembangunan perindustrian Malaysia terutamanya berkaitan proses pindahan teknologi (*technology transfer*).
(10 markah)

- 0000000 -